

# → BISNES

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]



Nor Shahrizan (kiri), Ahmad Shahrizan dan Angelia pada sidang media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Info

## Anugerah Diraja Kewangan Islam Malaysia

→ **Diadakan** setiap dua tahun diterajui BNM dan SC di bawah inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia

→ **Anugerah** bertujuan mengiktiraf sumbangan tokoh kewangan Islam dalam pertumbuhan ekonomi global serta kemajuan masyarakat di seluruh dunia

# Pengurusan kekayaan Islam segmen pertumbuhan baharu

→ Malaysia destinasi premier perniagaan, transaksi patuh syariah

Oleh Suffian A Bakar  
suffian@bh.com.my

**P**engurusan kekayaan Islam dikenal pasti sebagai segmen pertumbuhan baharu bagi Malaysia.

Malaysia berada di landasan kukuh untuk menjadi pusat pengurusan kekayaan Islam dengan mana saiz pasaran modal Islam negara meningkat tiga kali ganda antara 2005 dan 2015, mencerminkan kadar pertumbuhan tahunan sihat sebanyak 11.7 peratus.

Pasaran modal Islam negara mencecah RM1.69 trilion pada akhir 2015, mewakili 60 peratus

keseluruhan pasaran modal Malaysia.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Bhd, Nor Shahrizan Sulaiman, menyifatkan perkembangan ini sebagai mengukuhkan lagi status negara sebagai destinasi premier bagi perniagaan dan transaksi patuh syariah.

“Dana Islam global dan sektor pengurusan kekayaan Islam terus mengalami pertumbuhan disebabkan komuniti Islam yang semakin meningkat kekayaannya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu temu bual dengan BH di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Yang hadir sama, Pengarah Perbankan Borong HSBC Amanah Malaysia Bhd, Ahmad Shahrizan Mohd Shariff dan Ketua Pegawai Eksekutif BNP Paribas Investment Partners Malaysia Sdn Bhd, Angelia Chin-Sharpe.

### Sektor pengurusan

Nor Shahrizan berkata, berikutan dana sektor pengurusan kekayaan Islam global mengalami pertumbuhan, lebih banyak produk dan perkhidmatan yang inovatif dan menyeluruh diperlukan.

Beliau berkata, bagi pelabur

beragama Islam, mereka berhasrat melabur lebih dana yang ada dalam pelaburan patuh syariah, manakala bagi yang bukan Islam pula mencari peluang mempelbagaikan pelaburan menerusi produk dan perkhidmatan yang lebih inovatif dan komprehensif.

“Terdapat banyak ruang bagi inovasi dalam segmen pengurusan kekayaan Islam, antaranya kewangan sosial.

### Kerangka kawal selia

“Waqaf umpamanya mewakili aset yang besar nilainya. Menginstitusikannya adalah perlu dan saya kira sungguhpun kerajaan sudah mengambil banyak inisiatif, tetapi ia tidak padu, tiada rangka kerja yang standard (kerana waqaf berkait isu kerajaan negeri),” katanya.

Sementara itu, Angelia berkata Malaysia memiliki kerangka kawal selia yang teguh bagi kewangan Islam di dunia, manakala arah aliran semasa menunjukkan sektor dana dan pengurusan kekayaan Islam sedang meningkat, disokong permintaan kukuh daripada pelabur Islam dan bukan Islam.

Beliau berkata, Malaysia adalah satu-satunya pemain utama pasaran modal Islam, sehubungan itu,

penyertaan lebih ramai negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menyertainya amat diperlukan.

“Sekiranya semua pemain menyertainya maka lebih banyak inovasi, lebih peluang pelaburan dan lebih kecairan dalam pasaran,” katanya.

Beliau berpendapat institusi harus menjadi pemain utama bagi memacu pembangunan pasaran modal Islam.

Berhubung langkah SC memperkenalkan rangka tindakan dana dan pengurusan kekayaan Islam pada masa terdekat ini, Ahmad Shahrizan berkata, pihaknya ingin melihat satu rangka tindakan yang lebih fleksibel bagi membolehkan Malaysia dinobatkan sebagai pusat pasaran modal Islam antarabangsa.

### Hab pengurusan

Beliau berkata, sekiranya Malaysia serius ingin menjadi hab pengurusan kekayaan Islam global, ada beberapa perkara yang perlu ia lakukan terlebih dulu.

“Beberapa dasar berhubung kawalan seperti kawalan ke atas pergerakan pelaburan dan mata wang asing; jenis bakat yang masuk dan keluar untuk uruskan dana...

dasar-dasar ini perlu diperjelaskan terlebih dulu sebelum rangka tindakan itu diperkenalkan,” katanya.

SC dijangka melancarkan rangka tindakan dana dan pengurusan kekayaan Islam pada masa terdekat ini.

Rangka tindakan yang dirumuskan SC itu akan, antaranya, mencarta hala tuju strategi jangka sederhana dan panjang bagi industri selain merancang dengan teliti strategi dan cadangan bagi mengukuhkan kelebihan persaingan Malaysia.

Strategi itu dijangka mengukuhkan daya tahan industri dan akan merangkumi, antaranya, mengukuhkan keupayaan global pasaran perantaraan dan memanfaatkan peluang pasaran baharu.

SC memainkan peranan dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat pengurusan kekayaan Islam melalui lima teras yang dapat mewujudkan kemampatan ekosistem iaitu pelabur, penerbit, instrumen, budaya dan maklumat.

Artikel ini dikeluarkan sempena Anugerah Diraja Kewangan Islam Malaysia 2016 anjuran Bank Negara Malaysia (BNM) dan SC.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.theroyalaward.com](http://www.theroyalaward.com).